

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH [ SUBANG ]**

**TARIKH : 15.3.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setakat ini usaha pihak kementerian untuk memindah atau menggabungkan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) (SJKT) untuk menepati permintaan masyarakat India dan sama ada Kerajaan sedia untuk menambahkan jumlah SJKT yang sedia ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang meneliti dan mengkaji kedudukan sekolah-sekolah berenrolmen rendah yang perlu digabungkan atau dipindahkan termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Walau bagaimanapun, penggabungan dan perpindahan sekolah ini akan mengambil kira beberapa perkara termasuk persetujuan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bagi sekolah berstatus sekolah bantuan kerajaan, persetujuan ibu bapa, pemilikan tanah, kesediaan sekolah yang akan digabungkan, keperluan sekolah di kawasan lingkungan 5 hingga 10 kilometer, serta tapak baharu yang dicadangkan hendaklah mampu menyumbang kepada peningkatan enrolmen dan tidak akan menjadi sekolah kurang murid.

KPM tiada cadangan untuk menambah bilangan SJKT sedia ada kerana keutamaan diberikan kepada pembinaan Sekolah Kebangsaan untuk keperluan pelbagai kaum selaras dengan Dasar Memperkasakan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana dan menjadi pilihan utama ibu bapa.

RJM41